

Nama :

Kelas :

SAINS TINGKATAN 1

BAB 9.4 FENOMENA GEOBENCANA

SENTIASA LENGKAPKAN MODUL SAINS ANDA

KLIK VIDEO BERIKUT :



Taip jawapan bagi mengisi tempat kosong dalam pernyataan di bawah.

[Buku teks Sains m.s.265]

- 1 Geobencana ialah kesan proses Ini termasuklah kejadian seperti gempa bumi, tanah runtuh, dan
- 2 Geobencana seperti tsunami dan gempa bumi boleh menyebabkan kehilangan, penyakit, kebuluran serta kerosakan

3 Padankan geobencana berikut dengan maksudnya.

Geobencana	Definisi
Tsunami	Berlaku apabila batu di bawah permukaan tanah seperti batu kapur atau batu karbonat atau batu lain seperti gypsum dilarutkan secara semulajadi melalui peredaran air bawah tanah
Gempa bumi	Peningkatan suhu di dalam atmosfera bumi
Gunung berapi	Sejumlah hujan yang turun dengan tahap keasidan yang tinggi iaitu pH kurang daripada 5
Pemanasan global	Getaran atau guncangan yang berlaku di permukaan bumi
Hujan asid	Kenaikan batuan yang cair di bawah kerak bumi (bahagian mantel) akibat daripada keadaan suhu yang sangat panas di kawasan tersebut
Tanah runtuh	Kejadian pergerakan jisim tanah menuruni cerun yang curam secara tiba-tiba
Lubang benam	Perpindahan jasad air akibat daripada perubahan permukaan laut secara menegak dengan tiba-tiba

4 Taip jawapan bagi mengisi tempat kosong dalam pernyataan di bawah.

[Buku teks Sains m.s.266]

Tanah jerlus berlaku di kawasan

Hujan asid biasanya berlaku di kawasan

Di kawasan manakah aktiviti gunung berapi dan gempa bumi biasanya berlaku?

.....

5 Gunung berapi hanya berlaku apabila plat menolak antara satu sama lain.

Nomborkan kotak-kotak berikut dalam susunan yang betul.

	Plat bawah mencair
	Satu plat (yang dengan laut di atasnya) bergerak ke bawah
	Batu cair yang kurang berat naik ke permukaan dan keluar sebagai gunung berapi
	Plat bergerak bersama-sama

6 Padankan komponen pemantauan dan pengesanan berikut dengan fungsinya.

Komponen Pemantauan dan Pengesanan
Rangkaian Stesen Seismik di Malaysia
Rangkaian Pelampung Tsunami
Rangkaian Tolok Pasang Surut
Rangkaian Kamera Pantai

Fungsi
Mengesan ketinggian ombak tsunami di kawasan pantai. Data dipantau dan dijadikan sebagai panduan dalam menentukan tahap amaran yang perlu dikeluarkan
Meninjau keadaan laut semasa di lokasi tersebut secara langsung
Memantau gempa bumi di Malaysia
Mendapatkan tekanan permukaan di dasar laut dan ketinggian ombak tsunami di lautan

7

AWASI PENULARAN PENYAKIT BERJANGKIT PASCA BANJIR

AHMAD SHAZWAN MD. YUSOF

05 Januari 2015 9:58 PM

KUALA LUMPUR 5 Jan. - Penduduk yang tinggal di kawasan dilanda banjir diingatkan supaya menjaga kebersihan diri dan persekitaran bagi mengelakkan risiko terdedah kepada wabak penyakit berjangkit dan bawaan air.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, antara penyakit berjangkit yang kerap berlaku selepas banjir adalah keracunan makanan, taun, demam kepialu, leptospirosis (kencing tikus), hepatitis A, disenteri dan escherichia coli (E.Coli).

Merujuk kepada keratan akhbar di atas, terangkan apakah langkah yang boleh diambil untuk membendung penularan penyakit berjangkit selepas banjir.